

CNS4463

U GB 11-01 00200 BB490

BAH

Mahathir - Kemahiran

MATAPELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP TEPATI KEHENDAK KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Matapelajaran kemahiran hidup yang diperkenalkan di sekolah menepati hasrat kerajaan untuk memperkenalkan bidang itu kepada penduduk negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Secara umumnya matapelajaran yang diajar kepada pelajar memang merupakan bidang yang ingin diperkenalkan kerajaan dan ia didapati dapat diterima dengan baik oleh para pelajar, katanya.

Pencapaian memberansangkan yang ditunjukkan para pelajar dalam matapelajaran itu ialah petanda baik kepada Malaysia, yang akan beralih menjadi sebuah negara industri, katanya kepada pemberita selepas melawat selama kira-kira tiga setengah jam di Sekolah Menengah Datuk Lokman di Kampung Pandan, di sini.

"Kalan dahulu kita tumpukan kepada perniagaan kecil runcit dan bidang pertanian, sekarang hampir semua daripada kita akan bekerja dalam kilang-kilang pembuatan dan kita perlu tahu sedikit sebanyak mengenai bidang itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun ada antara pelajar akan menjadi pengurus atau akauntan kemudian tetapi mereka tidak boleh menjadi pengurus dan akauntan yang berkesan jika tidak mempunyai kefahaman tentang barang-barang yang akan dikeluarkan iaitu barang-barang jenis elektronik dan mekanikal yang akan menjadi bahan utama untuk eksport Malaysia. -- Lagi.

▼11/01/15-02MST

U GB 11-01 00161 BB491

BAH

Mahathir - Kemahiran 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata, tujuan lawatannya ke sekolah itu ialah untuk melihat sendiri kemajuan yang dicapai para pelajar dalam matapelajaran kemahiran hidup dan mendapati kaedah pengajaran yang digunakan setakat ini sesuai.

"Sekarang kita nampak pelajar sama ada lelaki atau perempuan lebih faham tentang kerja-kerja tangan, tentang prinsip-prinsip mekanikal dan elektronik dan cara-cara barang-barang ini beroperasi," katanya.

Semasa lawatan ke bengkel kemahiran hidup sekolah itu, Dr Mahathir mengambil peluang menyoal pelajar mengenai kefahaman mereka tentang kerja kayu dan logam, kerja paip, elektrik dan elektronik, enjin serta bidang pengurusan diri.

Beliau turut mencadangkan kemungkinan diadakan sebuah bilik khusus untuk mempamerkan barang-barang mekanikal dan elektronik di setiap sekolah agar para pelajar lebih mudah memahami perjalanannya dan fungsinya.

Misalnya enjin-enjin lama dapat dibeli dengan murah dan dipotong di bahagian tertentu untuk membolehkan pelajar melihat keadaan di dalamnya dan dengan cara demikian mereka akan lebih faham apabila diajar, katanya. -- lagi.

▼11/01/15-04MST

CNS4468

U GB 11-01 00145 BR492

RAH

Mahathir - Kemahiran 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Apabila ditanya sama ada sebarang perubahan akan dibuat ke atas pendekatan pengajaran matapelajaran itu, Dr Mahathir berkata, beliau akan berbincang dengan Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Haji Daud mengenainya.

Perdana Menteri juga tertarik dengan penglibatan para pelajar lelaki, dalam bidang masakan menerusi bengkel pengurusan diri di sekolah itu.

Kini tukang masak lelaki di negara ini sudah mencapai kejayaan tinggi sehingga layak bekerja di hotel-hotel terkemuka di luar negara, katanya.

"Sekarang mereka bukan sahaja belajar dalam negeri, bahkan saya biasa berjumpa dengan tukang masak Malaysia di New York dan Switzerland. Mereka sudah melanjutkan pelajaran sehingga boleh bekerja di hotel-hotel terkemuka di dunia," katanya.

Yang turut serta dalam lawatan itu ialah Dr Sulaiman dan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Wan Mohamed Zahid Nordin. -- Bernama.

AFY KAM.

▼11/01/15-06MST